PBD Sejarah T.3 Bab 7.3 Penentangan Masyarakat Tempatan Terhadap Kuasa Barat

Nama : Kelas : Tarikh :

Drag dan drop jawapan berikut di tempat yang sesuai untuk menilaikan penentangan masyarakat tempatan terhadap Kuasa Barat.

Muafakat	Kubu Pertahanan	Persenjataan	Gagal Mentafsir Perjanjian
Penentangan Bersenjata	Ancaman Perundangan Barat	Perundangan	Tipu Muslihat

Penilaian penentangan Masyarakat Terhadap Kuasa Barat			
Kekuatan	Contoh Tokoh & Peristiwa	Kelemahan	Contoh Tokoh & Peristiwa
	Dol Said mendapat bantuan angkatan tentera dari Rembau dan wilayah yang dekat Naning. Angkatan tersebut menggunakan senapang jenis flintlock dan snider riffles . Meriam kecil juga digunakan.		Dalam kebangkitan Tani di Marang (1928), Haji Abdul Rahman Limbong ditangkap atas tuduhan menghasut. Beliau dibuang negeri ke Makkah
	Yamtuan Antah dan Rentap berjaya mematah serangan British pada peringkat awal penentangan kerana kekuatan kubu masing-masing		Kubu Yamtuan Antah dihancurkan oleh British kerana British menggunakan meriam yang lebih besar. Yamtuan Antah juga kehilangan peluru dan kekurangan ubat bedil.
	Pada 16 Oktober 1874, Sultan Abdullah, Ngah Ibrahim, Dato'Maharaja Lela, Dato'Sagor , mengadakan pakatan sulit untuk menghapuskan J.W.W.Birch.		British berjaya mematahkan perjuangan Tok Janggut dengan mendesak Sultan Muhammad IV mengisytiharkan perjuangan Tok Janggut sebagai penderhakaan.
	Haji Abdul Rahman Limbong yang memohon jadi wakil dan membela petani di mahkamah telah berjaya mendapat keputusan yang berpihak kepada mereka.		Sultan dan pembesar Melayu (Perak) tidak diberi masa yang cukup untuk meneliti Perjanjian Pangkor. Pembatalan perjanjian tersebut perlu ada sokongan British. Oleh itu usaha mencabar perjanjian menemui kegagalan

LIVEWORKSHEETS